

## **BAB 4**

**PANDANGAN *WARTA NEGARA* TERHADAP**

**UMNO SEBAGAI WARDAH PERJUANGAN**

**POLITIK MELAYU MENENTANG**

**MALAYAN UNION 1946**

# **PANDANGAN *WARTA NEGARA* TERHADAP UMNO SEBAGAI WARDAH PERJUANGAN POLITIK MELAYU MENENTANG MALAYAN UNION 1946**

## **Latar Belakang Penubuhan UMNO**

Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu atau PEKEMBAR telah ditubuhkan pada hari pertama Kongres Melayu Semalaya berlangsung iaitu pada 1 Mac 1946. Ia merupakan pertubuhan politik yang terbesar yang berjaya menggabungkan hampir seluruh bangsa Melayu. Ia juga melambangkan kesedaran bangsa Melayu telah berkembang dan tidak lagi bersifat kenegerian kerana pertumbuhan PEKEMBAR tidak mementingkan sesebuah negeri tetapi semua pertubuhan negeri boleh bergabung didalamnya. Walaupun sentimen kenegerian masih wujud setelah bergabung dalam PEKEMBAR, namun bangsa Melayu mula menyedari bahawa orang Melayu walau berasal dari negeri yang berlainan adalah satu bangsa dan hanya dipisahkan oleh sempadan negeri dan raja yang berbeza sahaja.

PEKEMBAR ini juga adalah simbol penentangan orang Melayu terhadap perlembagaan Malayan Union ciptaan British. Bangsa Melayu menyedari tanpa satu pertubuhan induk yang padu bagi mewakili mereka untuk menentang Malayan Union, kemungkinan Malayan Union akan diteruskan kerana British berfikiran ia hanya rasa tidak puas hati sekumpulan pihak yang kecil. Akan tetap

apabila wujudnya PEKEMBAR yang telah dipersetujui bersama maka ia sebagai mewakili bangsa Melayu.

Sebenarnya Dato' Onn Jaafar yang mula mencadangkan PEKEMBAR, tetapi pada awalnya beliau mencadangkan dengan nama Persatuan Pergerakan Melayu atau dalam bahasa Inggerisnya ialah United Malays Organisation atau UMO.<sup>242</sup> Dato' Onn mengemukakan nama ini setelah mendapat inspirasi daripada pertubuhan dunia, United Nation Organisation atau Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) yang baru lagi ditubuhkan pada masa itu.<sup>243</sup>

Cadangan yang dikemukakan oleh Dato' Onn ini kemudian ditambah dengan perkataan 'National' oleh Za'ba dengan alasan orang Melayu bukanlah satu kaum tetapi satu bangsa dan cadangan ini dipersetujui oleh Kongres.<sup>244</sup> Pertambahan perkataan National ini telah menjadikan nama asal pertubuhan tersebut menjadi United Malays National Organisation atau ringkasnya UMNO. Inilah asalnya bagaimana nama UMNO terhasil dan telah wujud hingga ke hari ini.

Selepas PEKEMBAR ditubuhkan maka pada 2 Mac 1946 iaitu hari yang berikutnya maka kongres memikirkan perlu pula melantik jawatankuasa untuk menjalankan ketetapan-ketetapan yang bakal dilaksanakan oleh ahli jawatankuasa yang akan dilantik itu seperti:

1. Membuat rang undang-undang tubuh Rang Piagam bagi pertubuhan UMNO serta lain-lain surat peraturan.
2. Mengadakan syor bagi pendirian pertubuhan dan perjuangan UMNO.
3. Mengadakan syor-syor berkenaan perbelanjaan dan penerimaan UMNO
4. Mengadakan syor-syor bagi perkara-perkara lain.

---

<sup>242</sup> *Warta Negara*, 26 Januari 1946.

<sup>243</sup> Shaharom Husain, *Biograf Perjuangan Politik Dato' Onn bin Jaafar*, *op. cit.*, hlm. 153.

<sup>244</sup> Adnan Hj. Nawang, *Za'ba Patriot Dan Pendeta Melayu*, *op. cit.*, hlm. 153

5. Mengadakan pernyataannya dalam enam minggu daripada sekarang.<sup>245</sup>

Setelah ketetapan-ketetapan tersebut telah dikemukakan maka tiba masanya untuk melantik ahli jawatankuasa Pengubal Rang Piagam UMNO. Untuk menjimatkan masa, Dato' Onn selaku pengerusi Kongres telah memilih beberapa orang ahli jawatankuasa berdasarkan kriteria iaitu faham dengan undang-undang kerana tugas yang bakal dilaksanakan memerlukan individu yang mahir dalam ilmu undang-undang dan mereka yang terpilih antaranya ialah Panglima Bukit Gantang Perak (peguam Melayu yang terkenal), Dato' Orang Kaya Menteri Selangor (mahir dan bijak dalam undang-undang), Tuan Zainal Abidin bin Ahmad (Za'ba) Yang Dipertua Persatuan Melayu Selangor dan Dato' Onn juga turut dilantik. Perlantikan Dato' Onn telah dicadangkan oleh En. Mohd Tahir yang mewakili Persatuan Melayu Perak dan cadangan ini disokong oleh Persatuan Melayu Kelantan.<sup>246</sup>

Mereka ini telah diberikan masa selama enam minggu untuk menyegerakan tugas tersebut.<sup>247</sup> Tugas ini telah berakhir setelah piagam tersebut telah diluluskan dalam majlis Mesyuarat Agong UMNO yang pertama di Johor Bahru pada 11 Mei 1946 dan lahirlah UMNO sebagai sebuah pertubuhan politik yang rasmi.<sup>248</sup> Selepas UMNO ditubuhkan, seorang pemimpin perlu untuk menggerakkannya, dengan itu Dato' Onn yang telah menonjol sebagai seorang tokoh berwibawa

---

<sup>245</sup> Muhamad Yunus Hamidi, *Sejarah Pergerakan Politik Melayu Semenanjung*, Kuala Lumpur: Pustaka Antara, 1961, hlm. 55.

<sup>246</sup> *Ibid.*, hlm. 55.

<sup>247</sup> Adnan Hj Nawang, *Za'ba Patriot, op.cit.*, hlm. 153.

<sup>248</sup> *Ibid.*, hlm. 154

semasa Kongres berlangsung dan telah dilantik sebagai pengerusi sementara dan Za'ba sebagai setiausaha.<sup>249</sup>

Walaupun UMNO telah diwujudkan, namun pada masa ini ia bukanlah pertubuhan politik secara rasmi kerana masih dianggap sebagai gabungan antara persatuan-persatuan Melayu. Hanya dalam Kongres Melayu Semalaya Ketiga yang telah diadakan di Istana Besar, Johor Baharu pada 11 Mei 1946, barulah UMNO secara rasmi menjadi pertubuhan politik perdana orang Melayu. Pada masa itulah orang Melayu di bawah pimpinan Dato' Onn menubuhkan pertubuhan politik orang Melayu berfahaman kanan yang dinamakan Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu atau UMNO dan beberapa buah pertubuhan politik Melayu di seluruh Tanah Melayu telah masuk bergabung ke dalam pertubuhan UMNO.<sup>250</sup>

Ini hanya dilakukan selepas Penggubal Undang-undang UMNO yang didraf oleh jawatankuasa sebelum ini telah dibahas, dilulus dan disahkan oleh ahli yang hadir maka barulah UMNO tertubuh secara rasmi dan dengan itu berakhirilah Kongres Melayu yang wujud sebelum ini.<sup>251</sup> Pada Kongres Melayu Setengah Melayu Ketiga, En. Ahmad bin Mohamad Syah telah menjadi pengerusi jawatankuasa sambutan, Dato' Onn selaku Pengerusi Persidangan<sup>252</sup> dan kongres dirasmikan oleh Yang Teramat Mulia Tengku Ismail Ibni Sultan Ibrahim iaitu Tengku Mahkota Johor dan Pemangku Raja Johor.<sup>253</sup> Sebanyak 29 buah

---

<sup>249</sup> Shahrom Husain, *Biografi Perjuangan Politik Dato' Onn*, op.cit., hlm. 158.

<sup>250</sup> Buyong Adil, *Perjuangan Orang Melayu Menentang Penjajahan Abad 15-19*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, hlm. 252.

<sup>251</sup> Aishah Ghani, *Memoir Seorang Pejuang*, op. cit., hlm. 30.

<sup>252</sup> Ibrahim Mahamood, *Sejarah Perjuangan Bangsa*, op. cit., hlm. 30.

<sup>253</sup> Aishah Ghani, *Memoir Seorang Pejuang*, op. cit., hlm. 30.

pertubuhan telah menghantar wakil atau perwakilan (poxy) untuk menghadiri persidangan yang diadakan di Istana Besar Johor Bahru.<sup>254</sup>

Dalam Kongres tersebut, wakil-wakil yang hadir telah bersetuju untuk melantik Dato' Onn bin Jaafar sebagai Yang di Pertua UMNO.<sup>255</sup> Selain itu harus diingatkan bahawa UMNO telah pun dirangka strategi dan matlamat serta rancangan-rancangan yang jelas.<sup>256</sup> Pada 29 hingga 30 Jun kemudiannya barulah setiausaha Agong UMNO dilantik oleh yang di Pertua UMNO iaitu Dato' Onn, beliau ialah Datuk Panglima Bukit Gantang dan pada ketika itu barulah bentuk bendera UMNO dipilih dan diluluskan. Bendera tersebut telah direka oleh Ikatan Setia Kampung Baru, Kuala Lumpur.<sup>257</sup>

Jadi dapatlah dilihat bahawa kelahiran UMNO secara rasmi hanya pada 11 Mei 1946 iaitu pada Kongres Setengah Melayu Ketiga. Tujuan asas penubuhan UMNO ialah untuk menentang perlembagaan Malayan Union dan menggantikannya dengan satu sistem lain yang dapat mengekalkan hak kedaulatan raja-raja Melayu.<sup>258</sup>

Dalam pada itu, mengikut Piagam 1946 ini tujuan UMNO ditubuhkan ialah “untuk meninggikan dengan segala cara mengikut perlembagaan akan tujuan-tujuan yang sama dari semua ahli-ahlinya dan bagi menjalankan lain-lain tindakan di dalam apa-apa jua perkara yang diamanahkan kepadanya oleh sesebuah atau lain-lain ahlinya, juga untuk mewakili ahli-ahlinya atau salah sebuah ahlinya di dalam memajukan tujuan yang seumpama itu dan lain-lain

---

<sup>254</sup> Ibrahim Mahmood, *Sejarah Perjuangan Bangsa, op. cit.*, hlm. 103

<sup>255</sup> *Ibid.*, hlm 109.

<sup>256</sup> Shaharom Husain, *Biografi Perjuangan Politik Dato' Onn, op. cit.*, hlm. 159

<sup>257</sup> Aishah Ghani, *Memoir Seorang Pejuang, op. cit.*, hlm. 30.

<sup>258</sup> Ibrahim Mahmood, *Sejarah Perjuangan Bangsa, op. cit.*, hlm. 159.

perkara dan tujuan yang tidak begitu penting ialah untuk menyelesaikan sebarang perbalahan yang berbangkit di antara ahli-ahlinya".<sup>259</sup> Dengan ini, orang Melayu sudah mempunyai satu saluran untuk mendengar serta membantu menyelesaikan masalah yang berkenaan dengan kepentingan bangsa Melayu yang dihadapi oleh ahli UMNO khususnya dan bangsa Melayu amnya.

UMNO telah dikelolakan oleh Majlis yang ditentukan oleh Piagam 1946 iaitu:

- 1) Majlis Mesyuarat Agong.
- 2) Majlis Mesyuarat Kerja.
- 3) Jabatan Setiausaha Agong.

Majlis Mesyuarat Agong diadakan setahun sekali dan mewakili oleh dua orang wakil dari tiap-tiap persatuan yang bergabung ia juga melantik anggota-anggota majlis mesyuarat kerja yang terdiri dari Yang Di Pertua, Naib Yang Di Pertua, Setiausaha, Bendahari dan ketua-ketua Jabatan, ibu pejabatnya dalam tahun 1946 terletak di Johor Bahru tetapi berpindah ke Hale Street, Ipoh, Perak pada tahun 1947-1949.<sup>260</sup> Oleh kerana UMNO adalah gabungan beberapa puluh persatuan maka UMNO tidak mempunyai kuasa mutlak ke atas persatuan-persatuan itu, dengan ini UMNO hanya berbincang dan memutuskan cadangan persatuan-persatuan yang berkenaan dan tiap-tiap persatuan mempunyai kuasa autonomi, oleh itu pentadbiran dan organisasi antara UMNO dengan persatuan-persatuan itu adalah terpisah.<sup>261</sup>

---

<sup>259</sup> Ramlah Adam, *UMNO: Organisasi dan Kegiatan Politik*, *op. cit.*, hlm. 35.

<sup>260</sup> *Ibid.*, hlm. 36.

<sup>261</sup> *Ibid.*, hlm. 36.

Sementara itu untuk membantah Malayan Union secara berperlembagaan pula UMNO telah melantik Dato' Sir Ronald Braddell sebagai penasihat undang-undangnya pada 2 Julai 1946, beliau telah dibayar \$ 1,000 setahun dan bertugas sehingga 1949 bila beliau diganti oleh Ahmad bin Mohamad Ibrahim pada 1950.<sup>262</sup>

Sesungguhnya *Warta Negara* melihat kelahiran UMNO telah memberi nafas baru kepada bangsa Melayu pada ketika itu. Ini di sebabkan UMNO telah menjadi satu wadah untuk orang Melayu menyuarakan pendapat dan cadangan untuk dibahaskan oleh seluruh masyarakat Melayu dengan diwakili oleh wakil-wakil dari setiap negeri. Jika sebelum ini pertubuhan yang ada hanya lebih menjurus kepada kenegerian tetapi dengan tertubuhnya UMNO hanya akan ada sebuah pertubuhan sahaja dalam tiap-tiap negeri di Semenanjung Tanah Melayu yang dinamakan Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu,<sup>263</sup> maka sudah tentu ia lebih terbuka sifatnya berbanding sebelum ini yang mempunyai pertubuhan negeri yang bersaing.

Kehadiran UMNO di saat-saat masyarakat Melayu amat memerlukan satu organisasi atau pertubuhan yang boleh diterima oleh semua lapisan masyarakat untuk memperjuangkan bangsa Melayu menyebabkan UMNO disokong dengan sepenuh jiwa dan raga. Hasil daripada syarahan, tulisan dalam akhbar, buku, cerita dan penerangan golongan berpendidikan (pemimpin muda)<sup>264</sup> yang menekankan penyatuan bangsa Melayu, maka masyarakat Melayu mula menyedari pentingnya untuk bersatu dalam menghadapi isu Malayan Union

---

<sup>262</sup> *Ibid.*, hlm .18.

<sup>263</sup> Shaharon Husain, *Biografi Perjuangan Dato' Onn*, *op. cit.*, hlm. 161.

<sup>264</sup> Ishak Muhammad, *Bersatulah Sekarang*, *op. cit.*, hlm. 52.



ketika itu. *Warta Negara* amat menyokong penubuhan UMNO dengan cara sentiasa menyiarkan berita-berita mengenai perkembangan UMNO kepada masyarakat.

Maka dengan wujudnya UMNO, yang telah dipersetujui oleh wakil-wakil Melayu yang menyertai Kongres Melayu tersebut tentulah memberi kelebihan kepada masyarakat Melayu dan kepada UMNO itu sendiri untuk mendapatkan sokongan padu daripada orang Melayu. Ini menyebabkan walau apa pun yang berlaku orang Melayu tetap menyokong UMNO. Ini dapat dilihat kemudiannya apabila Dato' Onn yang dianggap sebagai pengasas UMNO keluar dari UMNO pada Ogos 1961<sup>265</sup> tetapi masyarakat Melayu masih lagi menyokong UMNO kerana bagi bangsa Melayu penubuhan UMNO adalah untuk bangsa Melayu, walaupun sebelum ini ahli-ahli menganggap "UMNO itu Dato' Onn dan Dato' Onn itu adalah UMNO".<sup>266</sup>

Pada keseluruhannya, dapatlah dikatakan bahawa di peringkat pertama pentadbiran UMNO ini, perkara-perkara asas untuk sebuah pertubuhan telah diadakan di samping itu peruntukan kewangan juga telah disediakan bagi memudahkan UMNO untuk menjalankan aktiviti-aktivitinya.

### **UMNO Dan Pepaduan Melayu**

Untuk menyatukan kaum Melayu, lahirlah beberapa orang tokoh seperti Dato' Onn, Dr. Hamzah Bin Abdullah dan Dato' Haji Wahab Bin Tok Muda. Dato' Onn iaitu yang Dipertua Pergerakan Melayu Semenanjung Johor, telah

---

<sup>265</sup> Ibrahim Mahmood, *Sejarah Perjuangan Bangsa*, op. cit., hlm. 52.

<sup>266</sup> Syed Hussien Alattas, *Bahtera Lama Nakhoda Baru*, op. cit., hlm. 11

mencadangkan satu perjumpaan orang Melayu bagi seluruh anak Melayu di Melaka dan mencadangkan juga supaya pertubuhan yang bakal ditubuhkan ini dinamakan Pertubuhan Melayu Bersatu. Tetapi rancangan ini telah dibatalkan, dengan permintaan ramai satu perjumpaan agung telah diadakan sekali lagi di Kuala Lumpur.

Persatuan Melayu Selangor telah mengadakan persiapan di Kelab Sultan Sulaiman, Kuala Lumpur. Sebanyak 37 wakil buah persatuan telah mengambil bahagian. Seramai 107 wakil dan 56 orang pemerhati telah menghadiri rapat umum raksasa kaum Melayu ini. Persatuan-persatuan ini boleh dikatakan mewakili tiap-tiap buah negeri di Tanah Melayu ini hingga ke Singapura. Negeri Johor, Perak, Kedah, Kelantan dan Selangor telah menghantar lebih dari sebuah persatuan dan yang terbanyak sekali wakilnya ialah dari negeri Selangor.

Kongres yang bersejarah ini, adalah kali ketiga diadakan di Tanah Melayu sejak 1938. Ia dibuka dengan rasminya oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Hishamudin ibni Almarhum Sultan Alam Shah, tepat pada pukul 10 pagi bersamaan dengan hari Ahad, 1 Mac 1946. Baginda mengatakan bahawa memang sudah tiba masanya orang Melayu bersatu dan ini telah di sokong oleh Dato' Onn yang turut sama hadir.

Oleh itu, ternyatalah bahawa Malayan Union telah ditentang oleh semua peringkat orang Melayu dari raja hingga ke rakyat biasa. Inilah kali pertama kerjasama seperti ini wujud. Dari perjuangan inilah wujudnya konsep 'raja itu rakyat dan rakyat itu raja'. Langkah pertama yang dilakukan ialah menubuhkan

satu pertubuhan yang akan mempertahankan hak-hak Melayu. Oleh itulah UMNO telah ditubuhkan.

*Warta Negara* telah melihat UMNO telah berjuang dan berkhidmat untuk kepentingan bangsa Melayu sejak ditubuhkan pada 11 Mei 1946. Ia telah bertindak sebagai penjaga untuk menjamin masa depan kita semua dapat dipertahankan dan selamat daripada sebarang ancaman dalaman dan luaran. Bagi bangsa Melayu, UMNO adalah benteng dan tembok kukuh yang sukar ditembusi oleh musuh.

*Warta Negara* telah memberikan kerjasama kepada UMNO selepas penubuhannya telah mengambil daya usaha utama menyedarkan orang-orang Melayu akan hakikat Malayan Union memberikan kesan yang buruk kepada masa depan orang Melayu di tanah air sendiri. Sudahlah kuasa raja-raja tergugat dan pupus, semua kaum pula boleh menjadi rakyat Malayan Union dengan mudah melalui satu program memberi kerakyatan kepada mereka berdasarkan prinsip Jus Soli seperti yang terkandung dalam kertas putih.

Rapat-rapat umum di seluruh negara diadakan termasuklah di Singapura dan Dato' Onn Jaafar muncul sebagai pemimpin ulung menentang kewujudan Malayan Union telah diberi liputan dan sokongan yang meluas oleh *Warta Negara*. Nama Dato' Onn menjadi harum dengan cepatnya sebagai pemimpin bangsa Melayu. Setiap negeri di Tanah Melayu begitu aktif mengadakan rapat umum yang dianjurkan oleh persatuan dan kesatuan yang ada di negeri-negeri tersebut. Majoritinya kesatuan dan persatuan ini pula telah menyertai UMNO yang ditubuhkan secara rasmi di Johor Baharu pada 11 Mei 1946. Antara rapat

umum yang besar adalah seperti yang telah diadakan di Kuala Kangsar.<sup>267</sup> Alor Setar dan Seberang Perai.

Bagi menunjukkan sokongan terhadap tindakan UMNO, akhbar *Warta Negara* di Pulau Pinang dan beberapa akhbar lain serentak mengambil bahagian cergas dalam penentangan terhadap rancangan melaksanakan Malayan Union, sedangkan kerajaan British berharap dengan berakhirnya peperangan Dunia Kedua, orang-orang Melayu akan memberi sokongan padu terhadap mereka setelah mengalami pahit maung di bawah pemerintahan tentera Jepun yang dianggap kejam.

Orang Melayu mendapati Malayan Union yang memberi hak sama taraf kepada rakyat British di Tanah Melayu telah menyalahi perjanjian campur tangan British melalui Perjanjian Pangkor pada tahun 1874 dan Perjanjian Perlis pada tahun 1930.

Dalam keadaan yang masih belum stabil akibat pendudukan Jepun, orang-orang Melayu mencari-cari badan atau pertubuhan yang sanggup ke depan menghadapi gagasan Malayan Union kerajaan British ini, maka wujudlah UMNO. Di samping itu juga, *Warta Negara* telah menyatakan dengan tegasnya bahawa pelaksanaan Malayan Union di Tanah Melayu adalah lebih mudarat lagi daripada pendudukan Jepun.<sup>268</sup> Oleh itulah kelahiran UMNO dilihat membawa rahmat kepada orang Melayu.

Atas desakkan pihak UMNO jugalah satu mesyuarat telah diadakan di Istana Sultan Perak di Kuala Kangsar, Perak. Antara yang hadir dalam

---

<sup>267</sup> *Warta Negara*, 30 Mei 1946.

<sup>268</sup> *Warta Negara*, 2 Jun 1946

mensyuarat yang telah diadakan itu ialah Sultan Perak, Sultan Kedah, Sultan Selangor, Sultan Pahang, Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan dan Raja Perlis. Hasil daripada mensyuarat tersebut didapati raja- raja Melayu dengan sebulat suara telah membantah penubuhan Malayan Union. Bantahan mengenai Malayan Union itu akan disampaikan kepada Kerajaan British di England.<sup>269</sup> Sila lihat Lampiran '4'.

*Warta Negara* telah menyatakan bahawa untuk menilai keadaan politik yang sebenarnya maka dua orang ahli Parlimen daripada Britain telah dihantar ke Tanah Melayu. *Warta Negara* amat menyokong kehadiran dua tokoh ini ke Tanah Melayu. Mereka adalah Kapten L.D Gammans dan Rees William yang pernah berkhidmat di Tanah Melayu telah dihantar untuk meninjau keadaan sebenar penerimaan orang Melayu terhadap Malayan Union.<sup>270</sup> Berita ini sangat besar ertinya kepada UMNO, Dato' Onn dan Tunku Abdul Rahman serta orang Melayu.<sup>271</sup> Ini kerana Gammans adalah sahabat baik Tunku Abdul Rahman ketika beliau berkhidmat di Tanah Melayu dahulu.

Pada 22 Mei 1946, Dato' Onn telah berbincang dengan Kapten Gammans dan Rees William yang baru tiba dari Singapura selama tiga jam.<sup>272</sup> Pertemuan ini adalah anjuran Gammans. Ini kerana beliau telah menghantar kawat secara peribadi kepada Dato' Onn yang bertarikh 16 April 1946 untuk bertemu dengan Dato' Onn.<sup>273</sup>

---

<sup>269</sup> Ibrahim Mahmood, *Sejarah Perjuangan Bangsa Melayu*, *op. cit.*, hlm. 101.

<sup>270</sup> Buyong Adil, *Perjuangan Orang Melayu Menentang Penjajahan Abad 15-19*, *op. cit.*, hlm. 243.

<sup>271</sup> Harry Miller, *Putera Diraja Dan Perdana Menteri*, Kuala Lumpur: Federal Publication, 1969, hlm. 86.

<sup>272</sup> *Majlis*, 23 Mei 1946

<sup>273</sup> *Warta Negara*, 22 April 1946.

Maka, Dato' Onn Jaafar selaku pengerusi UMNO telah menyeru agar segala persiapan yang rapi dibuat agar dapat menunjukkan betapa orang Melayu menentang Malayan Union. Selain itu juga, persatuan dan pertubuhan yang telah menganggotai UMNO telah mengadakan beberapa rapat umum bagi membantah pelaksanaan Malayan Union di Tanah Melayu. Ini dapat dilihat di sepanjang lawatan Gammans dan Rees William ke Tanah Melayu yang menyaksikan beberapa rapat umum di sepanjang lawatan mereka. Tanah Melayu tidak sunyi dengan rapat-rapat umum yang dianjurkan oleh persatuan dan kesatuan yang bernaung di bawah UMNO. UMNO berpendapat bahawa menerusi dua ahli parlimen ini mereka akan berpeluang menunjukkan kepada kerajaan British iaitu betapa keras dan hebatnya penentangan orang Melayu terhadap Malayan Union.<sup>274</sup>

Setelah beberapa lama berada di Tanah Melayu Kapten Gammans dan Rees William telah pulang ke London. Di London beliau telah menyatakan pandangan beliau hasil tinjauan yang dilakukan di Tanah Melayu apabila ditemuramah oleh *Associated Press*. Beliau menyatakan bahawa;

“Yang lebih-lebih lagi menduka citakan ialah sebab hal itu tiada sepatutnya terjadi. Maka terjadinya itu sebab satu siasatan kesilapan yang besar sekali di dalam tawarikh Empayar British. Kerajaan British yang dengan perbuatannya yang tiada berperasaan dan cuba hendak memaksa perubahan-perubahan politik yang besar dengan tiada langsung tanya menanya dengan orang Melayu, Cina dan lain-lain bangsa telah membawa kepada kegentiran itu”<sup>275</sup>

---

<sup>274</sup> Harry Miller, *Putera Diraja Dan Perdana Menteri, op.cit.*, hlm. 86.

<sup>275</sup> *Warta Negara*, 12 Jun 1946.

Ini menunjukkan tindakan orang Melayu menentang Malayan Union juga telah mendapat sokongan daripada wakil British yang di hantar untuk meninjau keadaan di Tanah Melayu iaitu Kapten Gammans dan Rees William. Malah yang lebih mengembirakan lagi Kapten Gammans telah menyalahkan tindakan kerajaan British memperkenalkan Malayan Union di Tanah Melayu tanpa mendapat persetujuan daripada orang Melayu terlebih dahulu. Pernyataan yang di keluarkan oleh Kapten Gammans ketika di wawancara oleh *Associated Press London*, dianggap sebagai sokongan beliau terhadap tindakan orang Melayu menentang Malayan Union.<sup>276</sup>

Pengenalan Malayan Union secara langsung telah memberi kekuatan semangat dan azam kepada orang Melayu untuk bersatu dan berjuang habis-habisan menentang penjajahan. Melalui pemimpinnya, Dato' Onn Jaafar yang pada masa itu Pegawai Daerah Batu Pahat Johor dan yang Dipertua Pergerakan Melayu Semenanjung, orang Melayu mula menyatukan tenaga di bawah pemimpin Dato' Onn.

Oleh itu, lebih membanggakan lagi UMNO telah dapat menyatukan hampir seluruh orang Melayu dalam menentang Malayan Union. Rapat-rapat umum yang telah diadakan telah menjadi bukti bahawa orang Melayu telah bersatu menentang Malayan Union. Bukan satu perkara yang mudah untuk menyatukan orang Melayu jika tiada pertubuhan sebesar UMNO untuk menjadi penaung kepada berpuluh-puluh buah persatuan dan juga kesatuan yang wujud di peringkat negeri

---

<sup>276</sup> *Warta Negara*, 12 Jun 1946

dan daerah di seluruh Tanah Melayu. Menurut *Warta Negara* Dato' Onn telah berjaya menyatukan kesedaran orang Melayu.<sup>277</sup>

### **Kaum Wanita Dan Politik**

Selain itu juga apa yang menariknya semenjak Rancangan Malayan Union diumumkan lagi kaum wanita tidak ketinggalan bersama-sama berganding bahu dengan kaum lelaki turut serta membantah Malayan Union. Ini telah dapat sejak dari pada pengumuman rancangan Malayan Union lagi *Warta Negara* telah memberikan liputan yang meluas tentang penglibatan kaum ibu dalam menentang Malayan Union. Penglibatan kaum wanita di dalam politik sudah tidak boleh disangkalkan lagi

Walau bagaimanapun penglibatan kaum wanita dalam politik dan berpersatuan bukanlah satu perkara yang baru. Ini kerana semenjak sebelum Perang Dunia Kedua lagi telah ada kaum wanita yang telah membabitkan diri dalam persatuan. Ini dapat dilihat sudah terdapat pertubuhan seperti Persatuan Guru-guru Wanita Melayu yang telah diasaskan oleh Ibu Zain (Hajah Zain binti Sulaiman) dalam tahun 1929.<sup>278</sup> Di samping itu juga, Kesatuan Melayu Singapura juga mempunyai bahagian wanitanya menjelang tahun 1940.<sup>279</sup> Walau bagaimanapun pada zaman perang kebanyakan persatuan wanita telah tidak aktif ataupun banyak yang telah dibubarkan.<sup>280</sup>

---

<sup>277</sup> *Warta Negara*, 30 Mei 1946.

<sup>278</sup> Lenore Manderson, *Wanita Politik dan Perubahan :Pergerakan Kaum Ibu UMNO Malaysia 1945-1972*, *op. cit.*, hlm. 76

<sup>279</sup> *Ibid.*, hlm. 76.

<sup>280</sup> *Ibid.*, hlm. 77



Selepas Perang Dunia Kedua pula, muncul Jabatan Wanita dalam PKMM (Pertubuhan Kesatuan Melayu Malaya) yang dipimpin oleh Khadijah binti Ali<sup>281</sup> Kemudian barulah diwujudkan AWAS (Angkatan Wanita Sedar) yang dipimpin oleh Shamsiah Fakeh yang merupakan seorang wanita yang aktif dalam perjuangan PKMM.<sup>282</sup>

Oleh itu tidak hairanlah apabila Malayan Union ciptaan British ini dibawa ke Tanah Melayu maka kaum wanita telah bangun bersama-sama dengan kaum lelaki menentang Malayan Union. Penglibatan kaum wanita dalam setiap perhimpunan atau rapat-rapat umum yang diadakan sangat menggalakkan. Mereka ini sanggup memabawa anak-anak yang masih kecil datang ke rapat-rapat umum sebagai memberi semangat terhadap kaum bapa untuk menentang Malayan Union.

Tidak ketinggalan juga telah muncul beberapa orang tokoh kaum ibu yang begitu berani dan lantang menyuarakan pendapat mereka di khalayak ramai menentang Malayan Union. Ini merupakan satu perubahan yang amat besar dan amat bermakna bagi kaum Melayu. 'Tangan yang menghayun buaian' ini telah bangun menggegarkan keputusan British melaksanakan Malayan Union.

Sehinggakan ianya telah menarik perhatian wakil dari ahli Parlimen dari England. *Warta Negara* telah menyatakan bahawa Gammans telah melahirkan perasaan hairannya melihat perempuan-perempuan Melayu semakin aktif dalam berpolitik berbanding sewaktu beliau berkhidmat di Tanah Melayu dahulu.<sup>283</sup>

---

<sup>281</sup> Ahmad Boestaman, *Merintis Jalan Kepuncak*, *op. cit.*, hlm. 70.

<sup>282</sup> *Ibid.*, hlm. 72.

<sup>283</sup> *Warta Negara*, 29 Mei 1946

Ini kerana sewaktu beliau masih berkhidmat di Tanah Melayu sebelum Perang Dunia kedua wanita Melayu jarang bersuara untuk menentukan pendapat mereka apatah lagi bangun berjuang dalam politik. Sebagai buktinya, ianya dapat dilihat seramai 450 orang kaum ibu telah menganggotai Pergerakan Semenanjung Johor pada Februari 1946.<sup>284</sup>

Kaum wanita walaupun kurang mendapat pendidikan formal ketika itu telah mempunyai semangat kesedaran dalam politik yang agak membanggakan akibat pengenalan Malayan Union di Tanah Melayu. Selain itu juga mereka telah bersama-sama kaum lelaki telah menghadiri perhimpunan ataupun rapat umum yang diadakan atas anjuran UMNO. Hal ini telah dapat dilihat sewaktu lawatan Kapten Gammans dan Rees William ke Tanah Melayu, kaum wanita telah tidak mahu ketinggalan dalam menyertai rapat umum yang telah diadakan di samping itu juga mereka telah mengambil bahagian bersama-sama kaum lelaki dalam memberikan ucapan menolak Malayan Union yang dilaksanakan di Tanah Melayu.

Ini telah terbukti di sepanjang lawatan yang dihadiri oleh Rees William dan Kapten Gammans. Kaum wanita telah menyampaikan ucapan-ucapan dengan penuh bersemangat menentang Malayan Union. Adalah tidak adil bagi orang Melayu menerima Perjanjian MacMichael menurut ahli Palimen daripada British.<sup>285</sup>

Sewaktu lawatan Rees William ke Perak bertempat di Kuala Kangsar, *Warta Negara* telah memuji-muji penglibatan kaum wanita dalam keberanian dan

---

<sup>284</sup> *Malayan Tribune*, 13 Februari, 1946.

<sup>285</sup> *Majlis*, 7 Jun 1946.

ketegasan mereka bersuara dalam politik. Buktinya dapat dilihat ketika satu rapat umum diadakan di Kuala Kangsar Perak *Warta Negara* telah menyifatkan penyertaan kaum wanita adalah sangat menarik perhatian dan tidak pernah terjadi kerana kaum wanita begitu banyak hadir dalam sesuatu keramaian.<sup>286</sup> *Warta Negara* turut kagum dengan ucapan-ucapan telah disampaikan oleh wakil-wakil kaum ibu. Di samping itu juga, mereka turut membawa sepanduk-sepanduk serta cogan kata yang berterusan menentang Malayan Union yang terdiri daripada bahasa Inggeris dan Melayu.<sup>287</sup> Antara cogan-cogan kata yang menarik dan menunjukkan kaum wanita begitu keras menentang Malayan Union ialah seperti “Tak Mahu Malayan Union”, “Akan Berjuang Kerana Hak Dan Tanah Air Kami Dan Hancurlah Perjanjian MacMachael,” dan “Hancurlah Perjanjian MacMachael.”<sup>288</sup>

Selain itu, kaum ibu begitu lantang memberikan ucapan dan dengan bersemangat. Tujuh wakil kaum wanita telah berucap dalam perhimpunan tersebut.<sup>289</sup> Antaranya ialah Soleha Binti Mohd Ali dari Selangor telah memberikan ucapan yang penuh bersemangat dan beliau telah menyatakan bahawa kaum wanita akan terus mengambil bahagian dalam politik pada masa akan datang.<sup>290</sup> Selepas itu seorang lagi wakil dari kaum wanita iaitu dan Che Kamaliah dari Kedah juga memberikan ucapan dengan penuh bersemangat ketika lawatan Kapten Gammans dan Rees William ketika di Kuala Kangsar Perak.<sup>291</sup>

---

<sup>286</sup> *Warta Negara*, 30 Mei 1946.

<sup>287</sup> *Negara Negara*, 30 Mei 1946

<sup>288</sup> *Warta Negara*, 30, Mei 1946.

<sup>289</sup> Ibrahim Mahmood, *Sejarah Perjuangan Bangsa, op. cit.*, hlm. 125.

<sup>290</sup> *Warta Negara*, 30 Mei 1946.

<sup>291</sup> *Warta Negara*, 30 Mei 1946.

Selain itu juga, menurut *Warta Negara* lagi, Kapten Gammans dan Rees William juga telah melawat Alor Setar pada 30 Mei 1946.<sup>292</sup> Kaum ibu di Kedah juga mahu tidak ketinggalan menyertai rapat umum yang diadakan, sehinggakan Dato' Onn menyatakan bahawa orang “Kedah merupakan tulang belakang orang Melayu Semenanjung”<sup>293</sup>

Selain itu juga, yang lebih menarik lagi rapat umum yang diadakan di Kuala Kangsar turut disertai oleh dua orang kerabat diraja yang terdiri daripada kaum wanita iaitu Raja Perempuan Kalthom dan Raja Puan Muda Aishah iaitu isteri Raja Di Hilir. Menurut *Warta Negara* perkara seperti ini belum pernah terjadi sejak dahulu.<sup>294</sup>

Selain itu, di Kuala Kangsar yang teramat mulia Raja Perempuan Kalthom dan Raja Puan Muda Aishah sendiri telah mengetuai kaum wanita dengan berbaris lebih daripada satu batu panjang yang merentasi pentas yang diduduki oleh raja-raja Melayu dan wakil daripada ahli Parlimen British.<sup>295</sup> Sambil berbaris kaum wanita ini turut melaungkan “Hidup Melayu” dan “Daulat Tuanku.”<sup>296</sup> *Warta Negara* menyatakan kaum wanita ini datang dengan penuh bersemangat di samping memakai pakaian yang berseri-seri.<sup>297</sup> ketika lawatan ahli Parlimen British ke Kuala Kangsar. Selain itu, *Warta Negara* turut menyatakan bahawa, Gammans begitu kagum dengan penyertaan kaum wanita atau kaum ibu dalam menentang Malayan Union ketika beliau melawat Kuala Kangsar.<sup>298</sup>

---

<sup>292</sup> *Warta Negara*, 31 Mei 1946.

<sup>293</sup> *Warta Negara*, 31 Mei 1946.

<sup>294</sup> *Warta Negara*, 30 Mei 1946.

<sup>295</sup> Harry Miller, *Putera Diraja dan Perdana Menteri*, op. cit., hlm. 90.

<sup>296</sup> *Warta Negara*, 30 Mei 1946.

<sup>297</sup> *Warta Negara*, 30 Mei 1946.

<sup>298</sup> *Warta Negara*, 29 Mei 1946.

Menurut *Warta Negara*, disamping berbaris panjang kaum wanita juga turut berjuang di bawah pertubuhan UMNO serta membawa sepanduk dengan cogan kata “Berjuang Kerana Hak Dan Tanah Air Kami”, “Malaya Bagi Melayu”, “Tak Mahu Malayan Union”.<sup>299</sup> Menurut T.S Adam, bahawa tujuh wanita Melayu yang telah memberikan ucapan itu tiada tolok bandingannya.<sup>300</sup> Gerakkan mereka itu telah menunjukkan betapa besarnya pengaruh wanita dalam perubahan-perubahan politik kearah kemajuan di negeri ini pada masa akan datang.<sup>301</sup>

Tidak ketinggalan juga pada 23 Mei 1946 di Padang Bandar Perenggam, Batu Pahat, Johor. kaum wanita yang diwakili oleh Cik Zaharah Binti Abdullah yang merupakan seorang guru dan ahli Gerakan Pertubuhan Semenanjung Johor telah memberikan ucapan yang bersemangat di hadapan Kapten Gammans. Antara isi ucapan tersebut berbunyi:

“Kami kaum perempuan amat terkejut dengan Perjanjian Mac Michael, kami tidak akan setuju dengan Malayan Union walau apa sekalipun kami membantah dengan sekeras-kerasnya ....<sup>302</sup>

Selain itu, *Warta Negara* memuji semangat yang ada pada kaum wanita yang berjuang bersama-sama kaum lelaki di bawah UMNO.<sup>303</sup> Contohnya, Halimah Abdul Majid dengan semangat politik yang tinggi telah pergi berjumpa dengan Rees William untuk melahirkan rasa tidak setuju pelaksanaan Malayan Union di Tanah Melayu.<sup>304</sup> Oleh itu *Warta Negara* amat memuji sikap yang

---

<sup>299</sup> *Warta Negara*, 30 Mei 1946.

<sup>300</sup> Harry Miller, *Putera Diraja Dan Perdana Menteri*, hlm. 91.

<sup>301</sup> *Ibid.*, hlm. 91.

<sup>302</sup> Ibrahim Mahmood, *Sejarah Perjuangan Bangsa*, *op. cit.*, hlm. 119.

<sup>303</sup> *Warta Negara*, 30 Mei 1946.

<sup>304</sup> Ibrahim Mahmood, *Sejarah Perjuangan Bangsa*, *op. cit.*, hlm. 124

ditunjukkan oleh kaum wanita. Selain itu juga *Warta Negara* sangat mengagumi penglibatan wanita politik ini dengan menyatakan bahawa:

“Sesungguhnya tidaklah begitu pernah banyak sekalian kaum ibu Melayu hadir di dalam sesuatu keramaian.”<sup>305</sup>

Di Pulau Pinang, kaum wanita juga turut mengambil bahagian dalam perjumpaan atau rapat umum yang telah diadakan. Che Hasnah Ishak telah pun berucap dengan penuh bermakna dan bersemangat menentang pelaksanaan Malayan Union di Tanah Melayu.<sup>306</sup> Ini telah menunjukkan bahawa kaum wanita semakin aktif dalam berpolitik. Oleh itulah Kapten Gammans melahirkan perasaan hairannya melihat kaum wanita semakin aktif membabitkan diri dalam politik ketika kunjungannya ke Tanah Melayu.

Selain itu *Warta Negara* melihat kaum wanita telah berjanji akan memberikan kerja sama serta akan mengambil bahagian yang aktif dalam politik dan ekonomi dalam satu ucapan yang disampaikan oleh wakil kaum wanita dari Perak sewaktu majlis ینeraikan Dato’ Onn dalam satu jamuan teh yang diadakan di Dewan Bandar Ipoh. *Warta Negara* juga melihat majlis itu telah mendapat sambutan yang hangat. Buktinya ia dihadiri oleh ramai kaum wanita.<sup>307</sup>

Selain itu, menurut *Warta Negara* lagi, kaum wanita Perak di bawah UMNO memberikan sokongan penuh kepada Dato’ Onn.<sup>308</sup> Oleh itu, Dato’ Onn selaku Yang Dipertua UMNO, telah memuji-muji kaum wanita atas sokongan dan

---

<sup>305</sup> *Warta Negara*, 30 Mei 1946.

<sup>306</sup> *Warta Negara*, 19 Jun 1946

<sup>307</sup> *Warta Negara*, 4 Jun 1946.

<sup>308</sup> *Warta Negara*, 4 Jun 1946.

kerjasama mereka serta pembabitan mereka dalam politik dan meminta kaum ibu supaya teruskan perjuangan mereka.<sup>309</sup> Selain itu juga, kaum wanita juga turut hadir di padang Sekolah Francis Light untuk memberikan sokongan mereka terhadap Dato' Onn dan menentang pelaksanaan Malayan Union.<sup>310</sup>

Selain itu menurut *Warta Negara* juga, untuk memudahkan perjuangan kaum wanita, di Pulau Pinang telah ditubuhkan satu badan kaum ibu Cawangan Kesatuan Melayu Pulau Pinang.<sup>311</sup> Dengan ini *Warta Negara* mengharapkan bahawa kaum ibu tidak ketinggalan membabitkan diri dalam politik.<sup>312</sup> Akhbar-akhbar seperti *Warta Negara* telah memberikan sokongan terhadap penubuhan badan kaum ibu ini dengan menyiarkan berita-berita tentang penubuhannya dalam masa beberapa hari. Pemilihan Che Hasnah sebagai pemimpin badan kaum ibu ini adalah tepat, kerana ketokohan Che Hasnah dalam berpolitik sudah terkenal semenjak lawatan Dato' Onn dan ahli Parlimen British.

## **Kesimpulan**

*Warta Negara* melihat dengan tertubuhnya UMNO maka perjuangan menentang Malayan Union yang gagal diusahakan oleh sultan-sultan Melayu, kini diserahkan kepada rakyat melalui UMNO. Pemimpin UMNO iaitu Dato' Onn tidak membuang masa dalam tugas mengembalikan maruah bangsa dan menyelamatkan masa depan Melayu. Oleh itu, bantahan besar-besaran dilakukan

---

<sup>309</sup> *Warta negara*, 4 Jun 1946.

<sup>310</sup> *Warta Negara*, 3 jun 1946,

<sup>311</sup> *Warta Negara*, 19 Jun 1946.

<sup>312</sup> *Warta Negara*, 19 Jun 1946

diseluruh Tanah Melayu untuk menumbangkan Malayan Union bagi mengembalikan kuasa Melayu kepada sultan-sultan mereka. *Warta Negara* melihat perjuangan UMNO mendapat perhatian penjajah Inggeris seperti Kapten Gammans dan Rees William yang telah melawat Tanah Melayu .

Selain itu, *Warta Negara* melihat penentangan yang hebat yang ditunjukkan oleh orang Melayu atas anjuran UMNO telah menyedarkan wakil British iaitu Kapten Gammans dan Rees William bahawa majoriti Melayu yang tidak inginkan Malayan Union. British akhirnya mengalah, Malayan Union dibatalkan dan kuasa diserahkan semula kepada raja-Raja Melayu. Bagi *Warta Negara*, ini adalah kejayaan UMNO yang sungguh membanggakan kerana ia berjaya mendapatkan balik kuasa bagi orang-orang Melayu. Jika tidak ada UMNO memperjuangkan hak dan kuasa orang Melayu, Malayan Union tetap akan diteruskan dan masa depan orang Melayu akan terancam.

Oleh itulah *Warta Negara* melihat orang Melayu menjadikan UMNO sebagai lantasan dalam memperjuangkan politik Melayu kerana sebelum ini tiada badan atau pertubuhan yang sebesar UMNO untuk membela nasib orang Melayu. Kelahiran UMNO amatlah bermakna bagi orang Melayu, kerana dengan lahirnya UMNO telah membuktikan bahawa orang Melayu telah dapat bersatu tanpa mengira daerah atau negeri.